

# MoU mampu lahirkan ramai modal insan

Pelajar kini ditawarkan ilmu kemahiran baharu serta penempatan kerja

UB 07.05.2023 P.08

Oleh Vivi Oliviana Najurus

**KOTA KINABALU:** Perjanjian persefahaman (MoU) di antara Elevate Academy of Technology and Innovation bersama iCube Innovation Sdn Bhd. mampu mewujudkan lebih ramai bakat untuk menyokong industri teknologi yang sentiasa berkembang.

Pengasas dan Pengarah Eksekutif Elevate Academy Faezrah Rizalman berkata, kerjasama ini juga mampu wujudkan gabungan kurikulum yang dipacu pasaran dan pembelajaran berasaskan projek.

Katanya, Elevate Academy turut menawarkan pelajar untuk mempelajari kemahiran baharu, buat portfolio kerja dan penempatan kerja.

"Elevate Academy dan iCube Innovation juga berazam mencari penyelesaian terhadap pelbagai cabaran, isu yang dihadapi dalam industri teknologi, terutamanya dalam memerangi isu berkaitan modal insan serta merapatkan jurang antara pendidikan kemahiran dan keperluan industri melalui kerjasama ini," katanya.



**KENANGAN:** Faezrah merakamkan gambar kenangan bersama selepas MoU terbabit.

Beliau berkata demikian semasa majlis MoU yang ditandatangani bersama Eksekutif Elevate Academy iaitu sekolah pengekodan pertama di Borneo dan Pengarah Inovasi iCube Melvin Liew.

Inovasi iCube adalah sebuah pusat inkubator inovasi untuk usahawan muda Sarawak yang terletak di Kuching, Sarawak.

Turut menyaksikan MoU adalah Ketua Dasar Awam, AWS Malaysia Eric Lee, Timbalan Pengarah, Pusat Kerjasama dan Penglibatan Industri, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr. Chin Pei Yee.

Sementara itu, Melvin berkata kedua-dua pihak bersejua digital, teknologi dan inovasi menjadi industri yang bergerak pantas dengan kemajuan dalam pelbagai subsektor

di seluruh negara dan global.

"Permintaan untuk sektor ini meningkat berterusan terutamanya selepas pandemik COVID-19.

"Penting untuk mengiktiraf kekurangan bakat atau memadamkan set kemahiran yang sesuai dengan bakat sedia ada untuk menyokong perkembangan ini dan juga untuk mengekalkan kelebihan daya saing di peringkat global

dan rantau ini," katanya.

Tambahnya, pihaknya juga berpendapat kerjasama itu akan mewujudkan laluan untuk meneroka lebih banyak peluang dalam industri pendidikan, kemahiran dan latihan berkaitan teknologi di Sabah, Sarawak sekali gus mewujudkan kumpulan bakat untuk pelaburan teknologi domestik serta asing di wilayah Borneo.